

Code: A21

INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SIRAH MENGUNAKAN DIORAMA

Normazla Ahmad Mahir¹, Nor Jamilah Muhamad Jamil², Zarina Ashikin Zakaria¹, Hazlina
Abdullah¹, Suzanah Selamat¹

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia¹

normazla@usim.edu.my

zarina@usim.edu.my

hazlina@usim.edu.my

suzanah@usim.edu.my

SMK Bandar Baru Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor²

norjamilah9614@gmail.com

Abstrak

Selain bidang Al Quran, Hadis, Akidah, Feqah, Tamadun Islam dan bidang Akhlak Islamiyah, Sirah merupakan salah satu bidang yang penting dalam silibus mata Pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Keperluan untuk memahami dan mengingat peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW yang agak menyeluruh mungkin menyukarkan pelajar sekiranya hanya membaca dan menghafal. Oleh itu, menggunakan diorama sebagai kaedah inovasi alat pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah strategi yang berkesan untuk meningkatkan penglibatan dan pemahaman pelajar. Diorama membolehkan pelajar memvisualisasikan dan berinteraksi dengan bahan pembelajaran dalam format tiga dimensi, menjadikan konsep-konsep abstrak lebih nyata dan mudah difahami. Pendekatan praktikal ini bukan sahaja membantu dalam menghafal, tetapi juga menggalakkan kreativiti, kemahiran motor, dan pembelajaran secara kolaboratif. Dengan melibatkan pelajar dalam proses mencipta diorama—melalui aktiviti seperti mewarna, memotong, dan menampal—mereka akan menggunakan pelbagai deria dan proses kognitif, yang boleh membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap bahan pembelajaran. Hasil kajian atas penggunaan diorama serta Latihan pengukuhan dalam kelas Tingkatan 1 sebagai kaedah inovasi telah membuktikan pelajar lebih mudah memahami bidang Sirah (Tajuk: Riwayat Hidup Nabi Muhammad) serta proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam jadi lebih menyeronokkan.

Kata Kunci: Sirah; Diorama; Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran

Pengenalan

Inovasi di dalam bidang pendidikan bukanlah satu perkara yang baharu. Saban hari penggunaan inovasi di dalam Pendidikan semakin meluas dan pelbagai cara telah digunakan untuk pelbagai tujuan. Bidang Pendidikan Islam juga tidak ketinggalan, di mana pelbagai ciri inovasi telah disuntik ke

dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Salah satunya ialah penggunaan diorama. Menurut Rahmawati & Sati (2021) diorama merupakan gambaran tiga dimensi dari suatu pemandangan atau adegan yang direplikasi dalam ukuran yang lebih kecil dengan maksud untuk mengilustrasikan sebuah peristiwa atau situasi tertentu, dengan tujuan untuk mempamerkan aktiviti yang sesuai dengan kejadian sebenarnya. Augustina (2021) pula menjelaskan bahawa diorama merupakan medium yang dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman yang boleh dilihat secara langsung dari seluruh arah dan serupa dengan keadaan yang sebenarnya. Selain itu, diorama juga menggalakkan pembelajaran kolaboratif dan kemahiran kreatif pelajar. Ianya melibatkan kerjasama antara pelajar bukan sahaja mengukuhkan kemahiran sosial, malah menggalakkan pemikiran kritis untuk mengeluarkan idea penting berdasarkan objek yang dilihat (Idris, 2024). Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa diorama adalah gambaran tiga dimensi dari pemandangan atau adegan yang dibuat untuk merepresentasikan kejadian atau situasi sebenar. Kelebihannya ialah ia memudahkan pemahaman para pelajar serta dapat meningkatkan daya kreativiti mereka di masa akan datang.

Objektif Inovasi

Diorama ini direka bertujuan untuk memudahkan pemahaman para pelajar tentang peristiwa sebelum dan selepas kerasulan serta akhlak Nabi Muhammad saw. Secara asasnya, para pelajar telah mempunyai pengetahuan bahawa Nabi Muhammad saw adalah rasul yang terakhir. Objektif ini adalah selaras dengan Standard Pembelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 iaitu menyatakan riwayat hidup Nabi Muhammad saw, menjelaskan peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad saw (sebelum dan selepas kerasulan) dan menerangkan akhlak Nabi Muhammad saw. Di akhir proses pengajaran dan pembelajaran, para pelajar diharap dapat menulis biodata Nabi Muhammad saw di dalam peta i-think, menerangkan lima peristiwa penting sebelum dan selepas kerasulan Nabi Muhammad saw dan menulis dua ikhtibar daripada peristiwa penting sebelum dan selepas kerasulan Nabi Muhammad saw.

Pendekatan dalam Inovasi

- i) Novelty**
 - Diorama memainkan peranan penting dalam pendidikan dengan menyediakan alat visual yang berupaya untuk meningkatkan pemahaman murid.
- ii) Creativity**
 - Penggunaan diorama menggunakan imej bergambar amat kreatif untuk menarik minat pelajar disamping berfungsi sebagai bahan bantu mengajar yang membantu pemahaman pelajar
- iii) Innovativeness**
 - Kesedaran Inovasi visualisasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang meningkatkan daya kreativiti pelajar serta menggalakkan kolaborasi pelajar dalam kumpulan
- iv) Applicability**
 - Bukan sahaja boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar subjek Pendidikan Islam, boleh juga menghasilkan diorama untuk subjek teras yang lain seperti Sains, Geografi, Bahasa Melayu dan lain-lain
- v) Impact**
 - Diorama dapat memudahkan pelajar memahami teori kompleks yang diajar Guru kerana ia adalah sejenis binaan tiga dimensi (3D) berfungsi sebagai Replika yang mengandungi pelbagai objek untuk menggambarkan situasi sebenar.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

RANCANGAN PELAJARAN HARIAN (PENDIDIKAN ISLAM)			
MATA PELAJARAN	Pendidikan Islam		
MINGGU	37	KELAS	1 Efektif
TARIKH	6/1/2023	HARI	Jumaat
MASA	3:40 – 4.50 Ptg	BILANGAN MURID	29/ 30
TAJUK	Sirah: Riwayat Hidup Nabi Muhammad		
STANDARD KANDUNGAN	5.1 Riwayat Hidup Nabi Muhammad		
STANDARD PEMBELAJARAN	5.1.1 Menyatakan Riwayat hidup nabi muhammad SAW. 5.1.2 Menjelaskan peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW: i. Sebelum kerasulan ii. Selepas kerasulan 5.1.3 Menerangkan akhlak Nabi Muhammad SAW		
OBJEKTIF	Murid dapat mengetahui peristiwa sebelum dan selepas kerasulan serta akhlak Nabi Muhammad SAW.		
HASIL PEMBELAJARAN	Di akhir sesi PdPc, murid dapat: 1. Menulis biodata nabi muhammad di dalam peta i-think. 2. Menerangkan 5 peristiwa penting sebelum dan selepas kerasulan nabi muhammad s.a.w 3. Menulis 2 iktibar daripada peristiwa penting sebelum dan selepas kerasulan nabi muhammad s.a.w		
PENGETAHUAN SEDIA ADA	Murid telah mempunyai pengetahuan Nabi Muhammad SAW adalah rasul yang terakhir.		
BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM)	1. Buku teks 2. LCD 3. Papan putih 4. Video kisah nabi muhammad. 5. Slide kisah nabi muhammad. 6. Bahan diorama (cupboard, tanah liat, kertas gambar dan lain-lain) 7. Rubrik pemarkahan		
AKTIVITI PEMBELAJARAN & PEMUDAHCARAAN (PdPC)	Rujuk penerangan terperinci aktiviti PdPc		

AKTIVITI PdP ABAD KE 21	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Round Table ☒ Think – Pair – Share ☒ Hot Seat ☒ Permainan Berkongsi ☒ Puzzle it Out 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Deklamasi Sajak / Nyanyian ☒ Pembentangan ☒ Role Play ☒ Drama ☒ Kuiz Cepat ☒ Thumb Up 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Gallery Walk ☒ Three Stray, One Stay ☒ Post It Notes ☒ Pets i-Think ☒ Talks Partners ☒ Perbincangan 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Video Clips ☒ Simulasi ☒ Buku Cerita ☒ Video Clips ☒ Sumbang Saran ☒ Lain-lain:
ELEMEN MERENTASI KURIKULUM (EMK)	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Kreativiti & Inovasi ☒ Pendidikan Alam Sekitar 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Bahasa ☒ Patriotisme 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Sains & Teknologi ☒ Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK) 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Keusahawanan ☒ Nilai Murni
KEMAHIRAN BERFIKIR	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Membanding beza ☒ Mengkategorikan ☒ Menjama Idea 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Menghubungkait ☒ Menginterpretasi ☒ Mencipta Analogi 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Membuat Inferens ☒ Membuat Ramalan ☒ Mentafsir 	<ul style="list-style-type: none"> ☒ Membuat Keputusan ☒ Membuat Rumusan ☒ Menilai
PENERAPAN NILAI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fokus 2. Kerjasama 3. Menepati masa. 4. Berbilang-sungguh. 			
ASPIRASI MURID	<ul style="list-style-type: none"> <li style="width: 33%;">☒ Pengetahuan <li style="width: 33%;">☒ Kemahiran Berfikir <li style="width: 33%;">☒ Kemahiran memimpin <li style="width: 33%;">☒ Kemahiran dwibahasa <li style="width: 33%;">☒ Etika dan kerohanian <li style="width: 33%;">☒ Identiti nasional 			

Penerangan Terperinci Aktiviti Pembelajaran Dan Pemudahcaran (Pdpc)

Langkah/ Masa	Kandungan	Aktiviti		Catatan
		Guru Pelatih	Murid	
Set Induksi (5 minit)	Memaparkan video Riwayat hidup nabi muhammad (Rujuk Lampiran 1). https://www.youtube.com/watch?v=3Db1veWaxEg	<ol style="list-style-type: none"> GP membaca doa bersama murid. Guru menunjukkan video Riwayat nabi muhammad. GP bertanya soalan kepada murid: <ul style="list-style-type: none"> Dimanakah situasi dalam video tersebut? Apakah pesanan ayah kepada Aliya? Cerita apakah yang diceritakan oleh ayahnya? Bagaimanakah seseorang itu cintakan Rasulullah? GP membimbing murid mengaitkan jawapan dengan tajuk yang akan dipelajari. 	<ol style="list-style-type: none"> Murid membaca doa bersama GP. Murid memberi perhatian kepada video yang ditunjukkan. Murid memberi maklum balas terhadap soalan GP. Murid memberi perhatian terhadap penjelasan GP. 	BBM: <ul style="list-style-type: none"> Video Projektor Paparan skrin Komputer riba Kaedah: <ul style="list-style-type: none"> Soal Jawab Nilai: <ul style="list-style-type: none"> Fokus,
Langkah 1 (15 minit)	Menulis biodata nabi muhammad di dalam peta i-think.	<ol style="list-style-type: none"> GP menunjukkan paparan slaid biodata Nabi Muhammad SAW. GP meminta wakil murid membaca riwayat hidup Nabi Muhammad. GP menerangkan biodata nabi muhammad SAW kepada murid. GP meminta murid menulis biodata nabi muhammad berbentuk peta i-think dalam kertas A4 (Rujuk Lampiran 2). 	<ol style="list-style-type: none"> Murid memberi tumpuan kepada paparan skrin yang ditunjukkan. Wakil murid membaca riwayat hidup Nabi Muhammad. Murid memberi perhatian terhadap penerangan GP. Murid menulis biodata nabi muhammad SAW berbentuk peta i-think di dalam kertas A4. 	BBM: <ul style="list-style-type: none"> Buku teks Slaid Projektor Komputer riba Kertas A4 Kaedah: <ul style="list-style-type: none"> Syarahan dan soal jawab Nilai: <ul style="list-style-type: none"> Fokus
Langkah 2 (25 minit)	Menerangkan 5 peristiwa penting sebelum dan selepas kerasulan nabi	<ol style="list-style-type: none"> GP menunjukkan dan menerangkan diorama peristiwa penting kehidupan nabi muhammad saw selepas kelahiran sehingga 20 tahun yang telah diinovasikan kepada murid 	<ol style="list-style-type: none"> Murid memberi perhatian terhadap penerangan GP. Murid membentuk 5 kumpulan dan menghasilkan diorama peristiwa penting kehidupan nabi 	BBM: <ul style="list-style-type: none"> Bahan- bahan diorama Buku teks

	muhammad s.a.w	<p>(Rujuk Lampiran 3).</p> <ol style="list-style-type: none"> GP meminta murid membentuk 5 kumpulan dan menghasilkan diorama peristiwa penting kehidupan nabi muhammad saw. <ol style="list-style-type: none"> Berdagang ke syam dan berkahwin Perletakan hajar aswad Menerima wahyu pertama Ira' Mikhraj Berhijrah ke Madinah & kewafatan nabi muhammad saw Hasil diorama yang disiapkan, wakil kumpulan perlu menceritakan peristiwa peristiwa penting nabi muhammad saw. GP mengedarkan rubrik pemarkahan kepada setiap kumpulan untuk menilai hasil pembentangan. (Rujuk Lampiran 4). Kumpulan yang mendapat markah tiga tertinggi mendapat ganjaran selepas PdP. 	<p>muhammad saw.</p> <ol style="list-style-type: none"> Wakil kumpulan perlu menceritakan peristiwa peristiwa penting nabi muhammad saw dengan mempersembahkan diorama yang telah dihasilkan. Setiap kumpulan membuat penilaian terhadap hasil pembentangan setiap kumpulan dengan merujuk rubrik pemarkahan yang diberi oleh GP. Kumpulan yang mendapat markah tiga tertinggi mendapat ganjaran selepas PdP. 	<p>Kaedah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Syarahan Kolaboratif Perbincangan <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jujur Bekerjasama
Langkah 3 (10 minit)	Iktibar daripada peristiwa penting sebelum dan selepas kerasulan nabi muhammad s.a.w	<ol style="list-style-type: none"> GP mengedarkan lembaran kerja kepada murid dan meminta murid menulis 2 iktibar daripada peristiwa penting yang telah dibentangkan oleh setiap kumpulan sebentar tadi (Rujuk Lampiran 5). GP membincangkan jawapan bersama murid. GP merumuskan iktibar daripada peristiwa penting nabi muhammad. 	<ol style="list-style-type: none"> murid menulis 2 iktibar daripada peristiwa penting yang telah dibentangkan oleh setiap kumpulan sebentar tadi di dalam lembaran kerja yang diedarkan oleh guru. Murid membincangkan jawapan Bersama GP Murid memberi perhatian terhadap penerangan GP. 	<p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> Buku teks Lembaran kerja <p>Kaedah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Perbincangan Soal jawab Syarahan
Penutup (5 minit)	Pencapaian hasil pembelajaran	<ol style="list-style-type: none"> GP mengadakan kuiz cepat dengan menggunakan aplikasi <i>wordwall</i> secara lisan/ bersoal jawab untuk menguji kefahaman terhadap tajuk ini. Guru memilih dua orang 	<ol style="list-style-type: none"> Murid memberi maklum balas dan perbincangan jawapan bersama GP. Dua orang murid membuat kesimpulan secara keseluruhan berkaitan biodata nabi, peristiwa penting dalam 	<p>BBM:</p> <ul style="list-style-type: none"> Buku teks Slide Komputer riba Projector

		<p>murid untuk membuat kesimpulan.</p> <p>3. Guru memberi ulasan Riwayat hidup nabi muhammad saw.</p>	<p>kehidupan nabi dan iktibar daripada peristiwa tersebut.</p> <p>3. Murid memberi tumpuan kepada rumusan yang diberikan oleh GP.</p>	<p>Kaedah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soal jawab <p>Nilai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Focus
--	--	---	---	---

Tugasan:

Murid diminta mengulangkaji semua tajuk sebagai pervediaan Ujian Akhir Semester Akademik 2022/2023

Pelan kontingensi:

- > Menyediakan muat turun video dalam komputer riba.
- > Meminta kumpulan yang tidak sempat bentang untuk merekodkan hasil pembentangan di rumah dan menghantar di aplikasi *Telegram*.

Refleksi:

PdP pada hari ini berjalan seperti yang dirancang. Semasa proses PdP dijalankan, GP mendapati bahawa aktiviti yang dilaksanakan dapat menarik minat murid kerana murid memberi respon dengan sangat baik. Oleh itu, GP hendaklah sentiasa bijak mencari dan menyediakan BBM yang boleh menarik minat murid dalam mencapai objektif PdP. Namun, GP juga mendapati ada beberapa kekurangan sepanjang PdP berlangsung. Antara kekurangan tersebut ialah GP tidak menggunakan nada suara yang lantang kerana mengalami masalah kesihatan. Hal ini menyebabkan kelas tidak dapat dikawal dengan sebaiknya dan maklumat tidak dapat disampaikan dengan jelas. Penambahbaikan yang boleh dibuat oleh GP untuk masa akan datang ialah GP perlu menggunakan inisiatif lain seperti microphone jika masalah ini berulang. Seterusnya, dari segi pengurusan masa juga perlu ditandakan oleh GP supaya murid menepati masa semasa aktiviti PdP dijalankan. Walaubagaimanapun, PdP pada hari ini mencapai hasil pembelajaran dan inovasi yang dihasilkkan sedikit sebanyak dapat membantu murid untuk mengingati peristiwa penting nabi muhammad saw.

LAMPIRAN

1. Link video kisah nabi muhammad saw

<https://www.youtube.com/watch?v=3Dh1wWaxEg>

2. Pets i-think biodata nabi muhammad saw.



3. Diorama



I

4. Rubrik pemarkahan penilaian pembentangan.

BORANG PEMARKAHAN PERTANDINGAN BERCEKITA PERINGKAT KELAS

Kumpulan yang menilai: _____

KUMPULAN	PENILAIAN				JUMLAH MARKAH (50MARKAH)
	GAYA (10 MARKAH)	SUARA (10 MARKAH)	ISI MUDAH DIFAHAMI 20 MARKAH	KREATIVITI (10 MARKAH)	
1					
2					
3					
4					
5					

5. Lembaran kerja.

Nyatakan 2 ikhtibar daripada peristiwa penting dalam kehidupan nabi muhammad:

1.

2.

6. soalan kuiz cepat.

<https://wordwall.net/ms/resource/1467410/riwayat-hidup-nabi-muhammad>

Lampiran



Penghargaan

Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat pihak Pentadbir dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama, Bandar Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor atas ruang dan kesempatan yang diberikan buat Guru Pelatih Program DPPPI USIM (Kohot 8) menjalani Latihan Praktikum di SMK Saujana Utama menggunakan Inovasi Diorama dalam PdP.

Rujukan

- Agustina, S. (2021). Pengembangan Media Diorama pada Pembelajaran Tematik Bermuatan IPA untuk Meningkatkan Pemahaman Konsep Siswa Kelas IV SD Negeri Krebet Bantul. *Jurnal Pendidikan Dasar*, 2(9), 188–201. (PDF) *Implementasi Media Diorama dalam Meningkatkan Kreativitas Siswa*. Available from: https://www.researchgate.net/publication/379552741_Implementasi_Media_Diorama_dalam_Meningkatkan_Kreativitas_Siswa [accessed Aug 29 2024].
- Idris, A. L. N. (2024). E-Diorama of The Solar System for form 2 students. *KUPAS SENI*, 12(1), 74–80. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.9.2024>
- Rahmawati, S. M., & Sati. (2021). Efektivitas Penggunaan Media Pembelajaran Diorama terhadap Hasil Belajar Peserta Didik pada Tema Ekosistem. *Jurnal PGSD*, 7(1), 37–44. <https://doi.org/10.32534/jps.v7i1.1942> (PDF) *Implementasi Media Diorama dalam Meningkatkan Kreativitas Siswa*. Available from: https://www.researchgate.net/publication/379552741_Implementasi_Media_Diorama_dalam_Meningkatkan_Kreativitas_Siswa [accessed Aug 29 2024].